



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PELANCARAN PROJEK PAN BORNEO SARAWAK BAGI JAJARAN DARI SIMPANG BINTANGOR KE SIMPANG JULAU DAN LAPANGAN TERBANG SIBU KE JAMBATAN SUNGAI KUA (TERMASUK JAMBATAN BATANG RAJANG)

SIBU – 17 APRIL 2016 :- Pakej Jajaran Dari Simpang Bintangor Ke Simpang Julau Dan Lapangan Terbang Sibu Ke Jambatan Sungai Kua (Termasuk Jambatan Batang Rajang) sepanjang 76.2 kilometer merupakan sebahagian daripada pakej yang dilaksanakan di bawah pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak melalui model *Project Delivery Partner* (PDP). Pakej ini melibatkan naiktaraf jalan sedia ada dari dua lorong dua hala (*single carriageway*) kepada empat lorong dua hala (*dual carriageway*) termasuklah pembinaan 2 persimpangan bertingkat, 79 hentian bas, 7 jejantas dan 46 pusingan-P atau U-turn dan satu hentian sebelah yang akan dibina di Julau.

Jambatan Batang Rajang yang juga dikenali sebagai Jambatan Durin sepanjang 1.708 kilometer akan turut dinaiktaraf kepada 4 lorong untuk keselesaan pengguna jalan raya. Jambatan ini merupakan antara jambatan yang terpanjang di Sarawak. Masalah kesesakan lalulintas oleh penduduk di bandar Sibu akan dapat diatasi dengan naiktaraf jalan sedia ada ini. Selain itu, persimpangan bertingkat akan dibina berdekatan Lapangan Terbang Sibu dan di Simpang Julau. Jajaran ini dijangka siap dibina sepenuhnya pada hujung tahun 2020.

Pembinaan jajaran ini akan meneruskan usaha kerajaan dalam mendokong legasi mantan pemimpin terdahulu dalam pelaksanaan Projek Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau lebih dikenali sebagai SCORE. Jajaran ini akan menyediakan kemudahan infrastruktur yang efisien kepada daerah Tanjung Manis yang dibangunkan sebagai Bandar Raya Pelabuhan Industri Hab Halal yang dijangka dapat menjana pulangan ekonomi yang lebih baik.

1/2

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my

Kerajaan Negeri telah diberi sepenuh kepercayaan dalam melaksanakan Lebuhraya Pan Borneo di samping sokongan dari Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan sentiasa memastikan kelangsungan pelaksanaan dengan memberikan sokongan kewangan sepenuhnya di samping khidmat nasihat pakar dalam bidang teknikal. Perkara ini dibuktikan dengan tiada pengurangan peruntukan kewangan untuk projek ini semasa Pengubahsuaian Bajet 2016. Malah, dalam keadaan kemerosotan ekonomi ekoran dari kejatuhan harga minyak dunia, Kerajaan tetap memegang janji untuk memastikan projek ini berjaya dilaksanakan sepenuhnya. Komitmen yang diberikan kerajaan jelas membuktikan bahawa slogan “Janji Ditepati” Kerajaan Persekutuan adalah ikrar yang diambil serius.

Dalam majlis pelancaran pembinaan jajaran ini juga menyaksikan syarikat-syarikat milik anak jati Sarawak diberikan penganugerahan untuk melaksanakan kerja pembinaan jajaran ini. Sejak dilancarkan tahun lepas, sebanyak 75 syarikat konsultan Sarawak telah terlibat dengan projek ini. Selain itu, Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBU) yang dimiliki oleh warga Sarawak secara majoriti telah dilantik bagi menguruskan, melaksanakan proses tender bagi pakej-pakej dalam projek ini dan bertanggungjawab memastikan projek lebuhraya ini disiapkan pada jangka masa yang ditetapkan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
17 APRIL 2016

2/2

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my